
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	20.03.22	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	JMG			

	IBU NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	PULAU PINANG	6:15	7:21	1:28	4:37	7:31	8:40
5	ALOR SETAR	6:15	7:21	1:28	4:38	7:31	8:40
3	K TERENGGANU	6:04	7:12	1:17	4:26	7:19	8:28
2	KOTA BHARU	6:08	7:16	1:21	4:31	7:23	8:28
6	KUANTAN	6:05	7:13	1:18	4:23	7:20	8:29
7	KANGAR	6:15	7:23	1:29	4:39	7:31	8:40



ANGGOTA polis mengawal di sekitar kawasan runtuhan di Taman Bukit Permai 2, Ampang.

48 cerun seliaan MPAJ kritikal!

Shah Alam: Ibarat bom jangka berikutan sebanyak 48 daripada 118 cerun seliaan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) kini dalam kategori sangat kritikal.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam Dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, dianggarkan hampir RM1 juta kos diperlukan untuk kerja pembaikan cerun berkenaan.

"Anggaran kasar untuk pembaikan 48 cerun itu adalah hampir RM1 juta. Bagaimanapun, kos sebenar bergantung kepada kajian lanjut oleh pihak pakar seperti Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram).

"Pihak berkuasa tempatan (PBT) juga sudah memohon kerjasama daripada Ikram untuk melaksanakan kajian dan pembaikan lanjut cerun dalam kawasan PBT," katanya.

Beliau berkata, sebagai langkah awal, MPAJ sedang melaksanakan lantikan panel kontraktor penyelenggaraan cerun berkategori sangat bahaya supaya tindakan awal penjagaan cerun dapat dilaksanakan dan sebarang tanda awal kegagalan cerun dapat diambil tindakan.

Dalam pada itu, mengenai penyelesaian jangka masa pendek yang perlu dilaksanakan dalam mitigasi banjir terutamanya di peringkat PBT, Sze Han berkata, ia sudah dilaksanakan dan kini sedang diperkasakan.

"Sebagai contoh, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) sedang melaksanakan pelan tindakan banjir untuk sistem saliran perbandaran yang mampan (Shah Alam *Sustainable Urban Drainage Master Plan* (SASUD) selari dengan pelan tindakan perubahan iklim yang menekan komponen tindakan tebatan banjir secara struktur untuk sistem saliran perbandaran.

"Manakala Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) pula sedang dalam tindakan pemasangan sistem amaran awal banjir iaitu Penambahbaikan Sistem Pemantauan Paras Air serta Siren (11 kawasan) dengan anggaran kos RM330,000," katanya.